

01 JUN 1996

DOYEN: MALAYSIA PERJUANG Keadilan Dunia

KUALA LUMPUR, 1 Jun (Bernama) -- Dasar luar Malaysia telah meletakkannya lebih unggul dari negara lain menerusi pendirian teguhnya dalam memperjuangkan keadilan dunia, kata Duta Palestin ke Malaysia Ahmad Al-Farra.

Malaysia telah mengambil bahagian secara berkesan sebagai pengaman di negara-negara yang menghadapi ketegangan di dunia ini, kata Ahmad sebagai doyen perwakilan asing di Malaysia dalam perutusan tahniah kepada Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar sempena Hari Keputeraan ke-74 Seri Paduka hari ini.

" Kami mengiktiraf dan menyanjung peranan aktif Malaysia dalam lapangan antarabangsa," kata beliau.

Malaysia telah memainkan peranan yang saksama di dunia dan memulakan usaha menentang penguasaan dan pengaruh negara besar terhadap negara lain, katanya.

" Kami berasa penuh kagum dengan pencapaian luar biasa yang dinikmati kerajaan Seri Paduka di bawah kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," kata Ahmad.

" Pertumbuhan ekonomi negara yang memberangsangkan di samping dedikasi dan kegigihan rakyat Malaysia serta kerajaan telah membawa Timbalan Perdana Menteri dan juga Menteri Kewangan Datuk Seri Anwar Ibrahim diisytiharkan sebagai Menteri Terkemuka Tahun Ini oleh sebuah majalah antarabangsa.

" Kami mengkagumi Malaysia dalam usahanya merealisasikan Wawasan 2020, di bawah bimbingan dan naungan Seri Paduka," kata beliau.

Beliau berkata perwakilan asing menaruh minat terhadap Rancangan Malaysia untuk mewujudkan Koridor Raya Multimedia (MSC) yang meliputi Pusat Bandaraya Kuala Lumpur (KLCC), Putrajaya and Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur.

" Malaysia memiliki kestabilan, insentif-insentif dan kemampuan untuk rancangan itu," kata Ahmad.

-- BERNAMA

MT HAK AHH